

30 AUG 1996

Koh - ASW

AMANAH SAHAM WAWASAN BUKTI PERKONGSIAN KEKAYAAN RAKYAT MALAYSIA

PULAU PINANG, 30 Ogos (Bernama) -- Pelancaran skim Amanah Saham Wawasan (ASW) 2020 membuktikan kesungguhan kerajaan mahu mengagihkan kekayaan negara secara sama rata kepada seluruh rakyat berbilang kaum.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini berkata generasi muda bukan sahaja mempelajari selok-belok pelaburan melalui skim itu malahan memupuk semangat perkongsian dalam pelbagai aspek dalam tempoh 24 tahun akan datang .

Generasi yang tergolong dalam had umur pelaburan skim ini merupakan pewaris atau teraju kepimpinan negara pada 2020 dan masa depan negara sama ada dalam bidang ekonomi, sosial dan politik terletak di tangan mereka, katanya ketika melancarkan ASW 2020 peringkat negeri, di sini.

Pulau Pinang merupakan negeri pertama melancarkan skim ASW 2020 selepas pelancaran peringkat nasional oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Rabu lepas.

Koh berkata semangat perkongsian itu, yang diterapkan melalui skim ASW tanpa meletakkan agama, bangsa dan budaya sebagai penghalang, dapat mewujudkan perasaan kekitaan di kalangan generasi muda sebagai anak Malaysia yang berwawasan.

"Saya meminta anak-anak Wawasan supaya terus berusaha, berikhtiar dan berpandangan jauh untuk memajukan negara seperti yang dilakukan Perdana Menteri dan semangat perjuangan yang kental pasti membawa kejayaan kepada seluruh rakyat Malaysia," katanya.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) kerana mengambil kira pandangannya pada satu majlis taklimat kira-kira sebulan lalu supaya mewujudkan tempoh tawaran khas selama sebulan selepas pelancaran bagi membolehkan golongan muda di seluruh negara berpeluang melabur dalam skim ini.

Jika ia tidak dilaksanakan, besar kemungkinan skim ini hanya dibolot oleh mereka yang tinggal di Kuala Lumpur yang mempunyai pelbagai kemudahan termasuk kemampuan kewangan.

"Kita mahu semua anak Malaysia di seluruh negara turut menikmati kemudahan ini walaupun jumlah carumannya adalah pada kadar minimum iaitu RM100," katanya.

Koh juga mencadangkan supaya dana ASW 2020 ditambah jika permohonan untuk skim ini mendapat sambutan baik daripada orang ramai selepas tamat tempoh tawaran khas itu pada 30 Sept ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Noor Abdul Rahim, yang juga pengerusi jawatankuasa pelancaran, anggota-anggota exco serta para pelajar. -- BERNAMA

ZU NAK